

22) PEMBANGUNAN KEDIAMAN MAMPU MILIK

Adun : Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham (Gombak Setia)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2025)

Sub soalan :

- a) Berapakah jumlah kelulusan Kerajaan Negeri bagi pembangunan kediaman mampu milik bagi tahun 2022 sehingga 2024? Berapakah jumlah unit kediaman yang telah berjaya disiapkan bagi tahun tersebut?**

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada tahun 2022 sehingga 2024 terdapat 69 projek dengan 44,218 unit Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Daripada jumlah tersebut 2 projek dengan 370 unit telah siap dibina dan diserahkan kunci, 8 projek dengan 2,982 unit sedang dalam pembinaan, 24 projek dengan 14,054 unit telah memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan manakala 35 projek dengan 26,812 unit lagi sedang dalam peringkat perancangan.